

Bil. S 96

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA EJEN-EJEN PELANCONGAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 103.
 3. Penggantian bab 5.
 4. Pindaan bab 7.
 5. Pindaan bab 11.
 6. Pindaan bab 18.
 7. Pindaan bab 19.
 8. Pemansuhan bab 23.
 9. Pemansuhan bab 24.
 10. Pindaan Akta.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA EJEN-EJEN PELANCONGAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Ejen-Ejen Pelancongan (Pindaan), 2012 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 7hb Mac 1995.

Pindaan bab 2 dari Penggal 103.

2. Bab 2 dari Akta Ejen-Ejen Pelancongan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan “Lembaga”;

(b) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus sebelum “Lesen”;

“ “Pihak Berkuasa” bermakna orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 5(1) sebagai Pihak Berkuasa bagi maksud-maksud Akta ini;”;

(c) dalam takrifan “Pemegang lesen”, dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(d) dengan menambah takrifan baru yang berikut —

“ “Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Akta ini.”.

Penggantian bab 5.

3. Bab 5 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Lantikan Pihak Berkuasa.

5. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik seseorang sebagai Pihak Berkuasa bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh membenarkan atau melantik mana-mana orang untuk membantu pada menjalankan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu.

(3) Mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa di bawah cerai (2) hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggaj 22).”.

Pindaan bab 7.

4. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (5), dengan memotong “its” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “his”.

Pindaan bab 11.

5. Bab 11 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan cerai (2), dengan memotong “its” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “his”;

(b) dalam cerai (3), dengan memotong “it” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “he”.

Pindaan bab 18.

6. Bab 18 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Lembaga” dari baris pertama.

Pindaan bab 19.

7. Bab 19 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (a), dengan memotong “mana-mana pegawai Lembaga yang telah diberi kebenaran” dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan “mana-mana pegawai yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan memotong “seseorang pegawai Lembaga” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “mana-mana pegawai yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa”.

Pemansuhan bab 23.

8. Bab 23 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pemansuhan bab 24.

9. Bab 24 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pindaan Akta.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Lembaga” di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM